

# Peng Kean tetap sasar Rio

**Gwangju:** Walaupun dihantui kecederaan ligamen 'crusiat anterior' (ACL) kaki kanan, semangat pemain lawan pedang negara acara sabre, Yu Peng Kean yang sanggup bertarung sehingga ke saat akhir, harus dipuji.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) yang pernah bertanding di Sukan Olimpik London 2012 itu berjaya melepasi peringkat kumpulan dengan mencatat dua kemenangan sebelum terkandas di pusingan kelompok 64 kepada Riccardo Nuccio dari Itali 15-12.

"Dari awal peringkat kumpulan lagi saya terpaksa bergantung dengan semburan tangan sakit sepanjang pertandingan."

"Saya bermain seperti biasa tetapi tiba-tiba kaki saya terseluh ketika ketinggalan 9-13. Kemudian saya terasa sakit sehingga menyukarkan pergerakan saya. Sebab itu saya hanya terpaksa bertahan tanpa dapat menyerang ketika beraksi," katanya.

Pada temasya lalu di Kazan, Russia, Peng Kean berjaya menempatkan diri dalam pusingan 16 terbaik.

Atlet berumur 24 tahun itu berkata dia sememangnya kecewa dengan persembahannya pada temasya kali ini.

"Apa pun saya tidak mahu bersara lagi kerana sasaran saya ialah layak ke Sukan Olimpik Rio 2016. Sebaik pulang ke tanah air, saya akan berehat selama tiga bulan.

"Selepas itu, jika kecederaan saya pulih, saya akan menyertai beberapa kejohanan antarabangsa untuk melayakkan saya ke Rio," katanya.